

MINGGU	TAJUK PELAJARAN
6	Unit 1.1 : Menjaga Kebersihan Fizikal dan Mental. Tajuk : Adab berpakaian. (m/s 12 - 14)

MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan dengan 'B' bagi ayat-ayat yang BETUL dan 'S' bagi ayat-ayat yang SALAH.

1	Sebagai orang Islam, kita diwajibkan memakai pakaian yang menutup aurat.	
2	Memakai pakaian yang tidak sopan itu adalah digalakkan di dalam kehidupan masyarakat.	
3	Kita hendaklah memakai pakaian mengikut jantina.	
4	Ali memakai baju bola untuk menghadiri majlis perkahwinan saudaranya.	
5	Mariana memakai baju kurung dan tudung untuk menghadiri majlis doa selamat di rumah jirannya.	
6	Memakai pakaian yang ketat adalah dibenarkan dalam agama Islam.	
7	Pakaian yang selesa, bersih dan menutup aurat adalah cara berpakaian yang diarahkan dalam Islam.	
8	Ahmad memakai pakaian yang kotor dan berbau busuk ketika hadir ke sekolah.	
9	Kita akan disayangi jika memakai pakaian yang kotor.	
10	Salah satu adab berpakaian dalam Islam adalah lelaki memakai tudung dan baju kurung.	